



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA PUAN FATIMAH ABDULLAH, TOKOH DAN
PENGGIAT SENI MAK YONG YANG TERKENAL DALAM USAHA MELESTARIKAN
DAN MEMARTABATKAN SENI WARISAN BANGSA**

DISEDIAKAN OLEH:

**NUR FATIN BINTI MUSTAFA
NADHRAH BINTI ISHAR**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

SEMESTER 5 (SEPT 2013 – JANUARI 2014)

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim ,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,



lhamdulillah hirrabbi'l'amin, kami merafakkan sepenuh kesyukuran ke hadrat ilahi dengan limpah dan kurnianya, dapat kami menyelesaikan tugas kerja khusus dokumentasi sejarah lisan ini dengan jayanya. Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Puan Azura Binti Kamaruddin, Pensyarah Matapelajaran Dokumentasi Sejarah Lisan (IMR604), di atas kesudian beliau membantu kami sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku. Segala penat lelah puan dalam memberi panduan kepada kami sepanjang tugas ini dilakukan amatlah kami hargai. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Fatimah Abdullah kerana sudi menjalankan sesi temuramah bersama kami sebagai tokoh bagi dokumentasi sejarah lisan kami ini. Terima kasih diatas kesudian Puan Fatimah Abdullah membahagikan masa beliau untuk ditemuramah dan berkongsi pengalaman beliau sekaligus membantu kami dalam menjayakan tugas ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan kami yang banyak membantu kami secara lansung atau tidak lansung sepanjang proses merealisasikan tugas ini berjalan. Pelbagai ilmu yang dapat kami runkaikan bersama sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Ribuan terima kasih diucapkan sekali lagi kepada semua yang membantu dan member sokongan dalam menjayakan tugas ini.

Wabillahitaufik wassalamualaikum wr. wt.

12 Disember 2013

TABLE OF CONTENT

1	Abstrak	1
	Pengenalan	2
	1.1 Sejarah Mak Yong	2
	1.2 Perkembangan Mak Yong Sebagai Satu Seni Tari Teater	
	Tradisional	3
	1.2.1 Unsur Muzik	6
	1.2.2 Alat-alat Muzik Yang Digunakan	6
	Gambar Rajah 1: Alat-Alat Muzik Yang Digunakan	
	Dalam Pementasan Mak Yong	10
	1.2.3 Pergerakan Asas Bagi tarian Mak Yong	11
	1.2.4 Cerita-Cerita Dalam Mak Yong	11
	1.2.5 Lagu-Lagu Dalam Persembahan Mak Yong	12
	1.2.6 Watak-Watak Yang Dimainkan	13
	1.3 Struktur Mak Yong	14
	1.4 Mak Yong Sebagai Model Teater tari melayu Nusantara	15
	1.4.1 Persoalan Asal Dan Kesejatan Mak yong	15
	1.4.2 Kesultanan Kelantan, Penjajahan Dan Perang	20
	1.4.3 Tengku Temenggung Dan Akademi Seni	23
	1.5 Kesimpulan	34

ABSTRAK

Mak Yong adalah satu genre seni Melayu yang penting berdasarkan kepada aktivitinya yang pada awalnya menjadi seni persembahan di istana raja-raja melayu terutama pada zaman kegemilangannya, sebelum tersebar secara meluas terutama di Kelantan, Terengganu, Kedah dan juga Pahang dan kini diangkat ke beberapa pusat pengajian tinggi di Malaysia. Mak Yong adalah teater tradisional Melayu yang penuh dengan ciri-ciri simbolik. Ciri-ciri seperti ritual, cerita, tarian, nyanyian, muzik dan lakonan yang kaya dengan unsur-unsur penambahbaikan, termasuk prop dan latar belakang yang mempunyai tujuan tertentu. Mak Yong juga merupakan seni teater yang mempunyai keunikannya tersendiri. Pada tahun 2005, UNESCO mengiktiraf Mak Yong sebagai seni warisan negara Malaysia yang pertama dengan status yang diberi iaitu, "Dunia tidak ketara Warisan". Oleh itu, dokumentasi sejarah lisan ini merupakan pengamatan secara lansung terhadap Mak Yong yang mengetegahkan Pn Fatimah Abdullah sebagai tokoh Mak Yong yang terkenal dan perjuangan beliau sebagai peneraju Mak Yong Negara.

Kata Kunci: Mak Yong, Fatimah Abdullah, Persembahan, Teater, Seni Warisan Negara

Pengenalan

1.1 Sejarah Mak Yong

Mak Yong adalah seni teater tradisional masyarakat Melayu yang sampai sekarang masih digemari dan sering dipertunjukkan sebagai dramaturgi dalam forum internasional. Di zaman dulu, pertunjukan mak yong diadakan orang desa di pematang sawah selesai panen padi. Dramaturgi mak yong dipertunjukkan di Terengganu, Pattani, Kelantan dan Kedah. Selain itu, mak yong juga dipentaskan di Kepulauan Riau, Indonesia. Di kepulauan Riau, mak yong dibawakan penari yang memakai topeng, berbeda dengan di Malaysia yang tanpa topeng.

Pertunjukan mak yong dibawakan kelompok penari dan pemusik profesional yang menggabungkan berbagai unsur upacara keagamaan, sandiwara, tari, musik dengan vokal atau instrumental, dan naskah yang sederhana. Tokoh utama pria dan wanita keduanya dibawakan oleh penari wanita. Tokoh-tokoh lain yang muncul dalam cerita misalnya pelawak, dewa, jin, pegawai istana, dan binatang. Pertunjukan mak yong diiringi alat musik seperti rebab, gendang dan tetawak. Istana kerajaan menjadi pelindung seni tari mak yong sejak paruh kedua abad ke-19 sampai tahun 1930-an.

Jika raja mendengar ada penari yang pandai apalagi cantik sedang bermain di kampung-kampung, raja langsung memerintahkan penari tersebut untuk menari di dalam lingkungan istana. Penari yang menari di istana akan ditanggung semua akomodasi serta kebutuhan hidup, dan bahkan menerima pinjaman tanah sawah milik raja untuk dikerjakan. Kemunduran ekonomi kesultanan akibat kedatangan penjajah Inggris di Kelantan menyebabkan pihak kesultanan tidak bisa lagi menjadi pelindung kelompok pertunjukan mak yong. Akibatnya di awal abad ke-20, tari mak yong mulai berkembang bebas di desa-desa.